

02/09/2003

Hukum hudud Pas untuk kepentingan politik: PM

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, hukum hudud Pas dibuat berdasarkan tafsiran sendiri bagi kepentingan politik bertujuan meraih sokongan pengundi Islam.

"Ini bukan Islam, ini politik. Politik parti Pas. Dia nak cari, nak dapat undi daripada orang Islam dengan berkata dia nak buat hukum hudud, (tetapi) kepada bukan Islam dia kata tak akan buat (hukum hudud).

"Ini penipuan yang amat besar yang tak sepatutnya datang daripada orang yang kononnya menggunakan Islam sebagai dorongan," kata Perdana Menteri kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Padang Mat Sirat semalam, selepas melakukan lawatan kerja dua hari ke sini.

Beliau diminta mengulas fasal dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu dan Kelantan yang memberi gambaran bahawa perbuatan liwat yang dilakukan suami terhadap isteri tidak salah.

Seksyen itu mendapat tentangan banyak pihak kerana didakwa tidak bersikap adil terhadap wanita.

Dr Mahathir berkata, tindakan pemimpin Pas untuk memperbetulkan perkara itu sendiri menunjukkan interpretasi parti itu mengenai hukum Allah selama ini salah.

"Itu hukum Allah, kita tidak boleh betul-betul. Ini interpretasi mereka. Sebab itu mereka sekarang ini dapati bahawa interpretasi mereka itu salah. Kita dah kata lama dah salah.

"Dalam Islam yang utama ialah keadilan. Kalau kita cuma utamakan proses perbicaraan dengan itu berlaku ketidakadilan, itu tidak Islam. Ini yang kita tekan berkali-kali.

"Dalam al-Quran disebut, kalau kamu hukum, hukumlah secara adil tetapi ini tak adil. Orang yang kena rogol, dihukum (tetapi) orang yang merogol dia lepas, mana boleh adil.

"Itu bukan Islam. Kalau Islam, mesti adil. Kalau hukuman itu adil, barulah dia Islam. Kalau menindas wanita, itu tidak Islam," katanya.

Ditanya sama ada isu itu akan memberi pengajaran kepada penyokong Pas mengenai perjuangan parti itu, Dr Mahathir berkata, apa yang menjadi masalah ialah orang Pas sendiri sudah 'buta hati'.

"Apa juga yang dilakukan pemimpin Pas, walaupun diketahui salah, akan diterima sebagai betul kerana ketaksuban mereka terhadap pemimpin," katanya.